



IKLAN JAWATAN KOSONG
PERBADANAN STADIUM-STADIUM NEGERI KEDAH DARUL AMAN

Klasifikasi Perkhidmatan	:	Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Dan Profesional
Jawatan & Gred	:	Penolong Pengurus Gred N41
Taraf Jawatan	:	Kontrak
Kekosongan	:	1
Jadual Gaji N41	:	Min : RM 2,080.00 Max : RM 9,546.00 (Kadar Kenaikan Gaji Tahunan RM 225.00)
Elaun	:	Imbuhan Tetap Khidmat Awam RM 300.00 Imbuhan Tetap Perumahan RM 300.00 Bantuan Sara Hidup RM 250.00
Syarat Permohonan	:	<ul style="list-style-type: none">(a) Warganegara Malaysia(b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan(c) Pemohon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :<ul style="list-style-type: none">(i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau(ii) Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.(d) Mempunyai rekod peribadi yang baik.

Syarat Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Pemakaian Di Bawah Syarat-Syarat Skim Perkhidmatan Dan Kemudahan-Kemudahan

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat keatasnya sama ada dibatalkan, diganti atau dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

CARA MEMOHON :

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan **Borang Permohonan Untuk Mengisi Jawatan di Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah Darul Aman**. Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Pentadbiran Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah Darul Aman pada waktu bekerja.
2. Setiap pemohon **MESTILAH** menyertakan bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
 - Kad Pengenalan.
 - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM setaraf.
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda.
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / rekod peribadi.
 - Kenyataan Perkhidmatan dan Cuti yang dikemas kini (bagi kakitangan kerajaan / badan berkanun / separa kerajaan yang sedang berkhidmat)
3. Permohonan yang tidak lengkap dan calon dari jabatan / badan berkanun / separa kerajaan yang tidak memohon melalui majikan tidak akan diproses.
4. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
5. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : **28 November 2019 (Khamis)**

Borang permohonan boleh didapati di Pejabat Pentadbiran:

Perbadanan Stadium-Stadium Negeri Kedah
Aras 3, Astaka Utama Stadium Darul Aman,
Lebuhraya Darul Aman,
05100 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Tel: 04-7337313/04-7337314